

TEKS PERUTUSAN HARI TLDM KE-87

مَحَرَّلَانْ مَحَرَّلَاللَّهِ مُسَبِّبٌ

Alhamdulillahi Rabbil A'lamin wa bihi Nastain, Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.

**Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Abdul Rahman bin Ayob,
Timbalan Panglima Tentera Laut,**

**Yang Berbahagia Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Mohd
Ajis, Panglima Armada Barat,**

Panglima-Panglima, Dato'-Dato', rakan - rakan seperjuangan serta seluruh warga *the Navy People* yang saya kasihi sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
dan Salam Sejahtera

1. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan keredhaanNya juga, kita diberi kesempatan untuk berkumpul di petang ini bagi menyempurnakan **Perbarisan Hari TLDM Ke-87**.
2. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun TLDM Ke-87 kepada semua warga *the Navy People*. "**TLDM Siaga Kedaulatan Terpelihara**".

Warga *the Navy People* yang saya kasihi sekalian,

3. Seperti lazimnya, istiadat perbarisan dan perutusan sempena Hari TLDM merupakan tradisi turun temurun yang menjadi kebanggaan kita sebagai seorang warga Tentera Laut Diraja Malaysia. Walaupun begitu, dukacita pada tahun 2020, kita tidak dapat melaksanakannya akibat terkesan dengan pandemik COVID-19 yang telah merebak di seluruh negara. Alhamdulillah, pada tahun ini kita dapat melaksanakannya semula tetapi dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Saya amat

berbangga melihat saudara-saudari semua segak menampilkan perbarisan yang terbaik sempena Hari TLDM Ke-87. **Syabas dan tahniah!**

Para hadirin sekalian,

4. Jika diimbau kembali sejarah penubuhan TLDM, ianya bermula apabila tertubuhnya *The Straits Settlement Naval Volunteer Reserve* di Singapura pada 27 April 1934. Tujuannya adalah untuk membantu Tentera Laut Diraja British mempertahankan perairan Tanah Melayu yang ketika itu dalam jajahan mereka.

5. Masa bersilih masa, zaman berganti zaman. TLDM kini telah berkhidmat hampir 9 dekad, membelah samudera, menabur bakti kepada negara yang tercinta. Perubahan TLDM ini dapat dilihat antaranya dari aspek penambahan aset baharu, peningkatan pengurusan sumber manusia dan sokongan logistik yang terus berkembang ampuh seiring dengan keperluan operasi serta keadaan persekitaran semasa yang dinamik.

6. Apa yang lebih penting, sepanjang tempoh ini juga, kita telah berjaya mengadaptasikan diri dengan segala bentuk cabaran bagi memenuhi visi dan misi yang telah digariskan. Kreativiti, komitmen dan kerjasama semua pihak telah membolehkan kita memenuhi hampir semua keperluan operasi, latihan dan selenggaraan tanpa kompromi.

Tahniah *the Navy People!* Tahniah semua!

Warga *the Navy People* yang saya hormati,

7. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya pandemik COVID-19, Kesiagaan Armada tetap menjadi teras utama. Pemilihan tema Hari TLDM pada tahun ini iaitu "**TLDM Siaga Kedaulatan Terpelihara**" amatlah bertepatan dengan Teras Utama Halatuju Kepimpinan TLDM yang telah digarapkan.

8. Kita perlu sentiasa berpegang dengan ungkapan "**We exist because of the Fleet**". Oleh itu, marilah kita bersama-sama

berganding bahu dalam menentukan Kesiagaan Armada TLDM sentiasa berada di tahap yang terbaik sebagai sebuah kuasa maritim negara.

9. Dalam usaha menuju ke arah itu, TLDM sudah semestinya perlu dilengkapi dengan keupayaan angkatan yang kredibel. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu perkara yang mudah untuk dicapai kerana sebahagian besar daripada kapal TLDM kini telah berusia lebih 30 tahun. Ini merupakan salah satu cabaran yang perlu diberi perhatian yang serius.
10. Pada masa yang sama, pandemik COVID-19 juga telah memberi kesan yang besar kepada kita. Selain daripada sumber ekonomi negara yang terjejas, tempo operasi aset-aset TLDM turut meningkat melalui penglibatan kita dalam Op Benteng bagi menghalang kemasukan PATI ke negara ini.
11. Justeru, adalah wajar untuk kita bertindak dengan lebih bijak dan kreatif dalam menentukan kesiagaan aset sentiasa di tahap yang terbaik walaupun berdepan dengan cabaran - cabaran tersebut.
12. Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan antaranya, *Repowering Programme* dan *Obsolescence Program* yang telah mula dilaksanakan pada tahun lalu. Program ini telah menunjukkan impak positif dengan memberi *Return on Investment (ROI)* yang tinggi kepada TLDM. Ianya bukan sahaja meningkatkan tahap kesiagaan aset TLDM, bahkan mampu menjimatkan sumber kewangan negara. Syabas kepada semua yang terlibat dalam usaha murni ini. Ini membuktikan kita mampu untuk menghasilkan idea serta inisiatif baharu yang amat bermanfaat kepada perkhidmatan dan juga negara.

Warga *the Navy People* yang saya kasihi sekalian,

13. Pada awal tahun 2021 telah menyaksikan beberapa kejayaan dalam aspek perancangan pembangunan antaranya:

- a. Penubuhan Skuadron 601 pada 4 Mac 21, sebagai unit pertama seumpamanya yang ditubuhkan khas bagi mengoperasikan *Unmanned Aerial System* (UAS) di dalam ATM.
 - b. Seterusnya, Petaulahan *Littoral Mission Ship* (LMS) Kedua iaitu KD SUNDANG pada 5 Mac 21 yang lalu. In sha Allah, LMS Ketiga dan Keempat pula, bakal kita terima pada bulan Oktober dan Disember tahun ini.
 - c. Dan baru-baru ini juga, kita telah berjaya menerima 6 buah *Fast Combat Boat* (FCB) daripada syarikat pembinanya, Gading Marine Shipyard Sdn Bhd. **Syabas atas kejayaan-kejayaan ini!**
14. Bagi memastikan kesinambungan Program Transformasi Armada 15to5, TLDM akan terus melaksanakan projek pembangunan keupayaan dan infrastrukturnya. Antara projek-projek yang telah dirancang perolehannya dalam masa terdekat ini adalah;
- *Littoral Mission Ship* (LMS) kumpulan kedua.
 - Helikopter Operasi Maritim (HOM).
 - *Fast Combat Boat* (FCB).
 - *RHIB Divers Boat*.
 - *Bridge Simulator and Action Speed Tactical Trainer* (ASTT).
 - Kelengkapan Peralatan *Damage Control Fire Fighting* (DCFF) bagi kapal-kapal TLDM.
 - Pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) pelbagai unit di Kota Kinabalu, Sandakan dan juga PHN.
 - Pembinaan Jeti Markas Wilayah Laut 2.
 - Pembangunan Stesen Udara Kota Kinabalu.
 - Dan pelbagai kelengkapan lain lagi.

15. Justeru, sejajar dengan tema Hari TLDM pada tahun ini, besarlah harapan saya sekiranya apa yang telah dirancang, dapat kita sama-sama usaha untuk direalisasikan demi memelihara kedaulatan negara.

Para hadirin sekalian,

16. Bersesuaian dengan teras ketiga Halatuju Kepimpinan TLDM, iaitu meningkatkan **Integrasi dan Sokongan kepada Aspek Kebersamaan**, saya ingin berpesan kepada semua warga *the Navy People* supaya gunakan segala ruang dan peluang yang ada ketika ini untuk memperkasakan aspek kebersamaan dengan sebaiknya.

17. Sebagai contoh, melalui Operasi Benteng yang kini sedang giat dilaksana melibatkan 19 pelbagai agensi keselamatan dalam negara. Warga kita yang terlibat perlu memanfaatkan peluang ini untuk dijadikan pengalaman dan juga *networking* dalam perkhidmatan.

18. Usaha ini juga tidak terhad di dalam negara sahaja, bahkan boleh diterokai di peringkat antarabangsa melalui pelbagai platform seperti *bilateral and multilateral training and exercises*. In sha Allah, dengan pendedahan seperti ini, iaanya akan meningkatkan lagi kompetensi warga TLDM ke tahap yang lebih tinggi.

Warga *the Navy People* yang saya kasihi sekalian,

19. Dalam bergerak ke arah peningkatan taraf kesejahteraan warga pula, suka saya ingatkan agar kita perlu menitik beratkan kesihatan terutamanya dari segi fizikal dan mental. Saya percaya, sekiranya seseorang anggota itu sihat, nescaya beliau memiliki sifat disiplin yang tinggi dan mampu menjaga diri serta keluarga sebaiknya.

20. Selain itu, kita juga mahukan kes-kes disiplin dikurangkan lagi supaya kita mampu menjadi sebuah angkatan laut yang lebih kredibel di masa hadapan. “***Motivation gets you going, but discipline keeps you growing***”.

21. Dalam nada yang sama, setiap para suami juga wajar memainkan peranan dalam memberi galakan kepada isteri untuk terlibat dalam organisasi BAKAT Laut. Penglibatan mereka di dalam organisasi ini secara tidak langsung boleh menjadi penyumbang atau pendorong kepada keharmonian sesebuah keluarga. Oleh itu, marilah kita memperkasakan BAKAT Laut sebagai sebuah badan kebajikan keluarga yang teguh demi kesejahteraan bersama.

22. Bersempena Hari TLDM kali ini, saya menyeru seluruh warga *the Navy People* untuk memastikan langkah berikut dilaksanakan sebaiknya:

Pertama: Penghayatan mendalam terhadap Peta Strategi TLDM 2021-2025. Jadikannya sebagai sebuah panduan strategik agar setiap tindakan dan tanggungjawab kita sebagai warga Tentera Laut Diraja Malaysia memenuhi Visi dan Misi TLDM ke arah melindungi kedaulatan, integriti wilayah dan kepentingan maritim negara.

Yang kedua: Membuat perancangan rapi untuk menghadapi pelbagai cabaran terutamanya dalam aspek kekurangan sumber logistik dan juga kewangan. Ianya penting bagi memastikan TLDM berada di haluan yang betul sesuai dengan keadaan semasa.

Yang Ketiga: Melaksanakan tadbir urus yang cekap dan berintegriti. Setiap warga perlulah menerapkan sifat akauntabiliti dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab. Ianya bertujuan untuk memastikan keberkesanan pentadbiran selain dapat meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap profesionalisme TLDM.

Dan Yang Keempat: Kekal fokus, tenang dan istiqomah dalam perjuangan kita mempertahankan kedaulatan perairan negara terutamanya dalam berdepan dengan pandemik COVID-19. Patuhi setiap SOP yang telah dikeluarkan dengan mengadaptasi budaya **Norma Baharu.**

Para hadirin sekalian,

23. Mengambil kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama TLDM selama ini. Kepada perwira seangkatan dari **Tentera Darat Malaysia** dan **Tentera Udara Diraja Malaysia**, rakan pasukan dan agensi keselamatan termasuk **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**, **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)** dan lain-lain lagi. **Kakitangan awam yang berkhidmat bersama, para veteran, pemain industri pertahanan dalam dan luar negara, rakan-rakan media serta seluruh rakyat Malaysia.** Ucapan terima kasih yang tak terhingga dari kami di TLDM. Sesungguhnya, kami amat menghargai keyakinan, sokongan dan kerjasama berterusan dari anda semua.

24. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan terutamanya Kementerian Pertahanan atas komitmen, keprihatinan serta sokongan padu terhadap TLDM dan juga ATM.

25. Dan yang paling utama, ucapan jutaan terima kasih saya kepada seluruh lapisan *the Navy People* termasuk para keluarga atas sokongan serta khidmat cemerlang yang tidak berbelah bahagi. Ketaatsetiaan, pengorbanan dan usaha keras anda semua amat-amat saya hargai. **ANDA NADI untuk memperkasakan TLDM.** Marilah kita bersama-sama berjuang ke arah menjadikan TLDM sebagai sebuah organisasi yang lebih cemerlang dan terbilang.

Para hadirin sekalian,

26. Mengambil kesempatan ini, saya dgn penuh dukacita menzahirkan ucapan takziah atas tragedi yang telah menimpa kapal selam Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut (TNI-AL) iaitu KRI NANGGALA-402. Marilah kita mendoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala mencucuri rahmat ke atas perwira-perwira yang telah terkorban dan memberi ketabahan kepada seluruh keluarga mereka. Aset kita, MV Mega Bakti juga sedang terlibat secara langsung dalam menghulurkan bantuan bersama beberapa aset negara lain. Semoga mereka juga diberi kekuataan dan dipermudahkan setiap urusan di sana. In sha Allah.

27. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua yang beragama Islam. Pertingkatkan amal ibadat dan sambutlah Ramadhan kali ini dengan penuh semangat serta keceriaan bersama keluarga tercinta.

28. Sekian, saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahatullahi Wabarakatuh.

'Selamat Menyambut Hari TLDM Ke-87',

'TLDM Siaga Kedaulatan Terpelihara'

'Sedia Berkorban'